



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 46/2023

## SEIKHLAS KASIH SEJUTA HARAPAN

17 November 2023

*Bersamaan*

3 Jamadilawal 1445

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ: إِنَّ الَّذِينَ يَتَّلُوُنَ كِتَابَ اللّٰهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ

٢٩

وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقَنَاهُمْ سِرًا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِبْحَرَةً لَنْ تَكُونَ

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الْمَبْعُوتُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى هَذَا النَّبِيِّ الْكَرِيمِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

وَمَنْ تَبِعُهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأَطِيعُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ رَحْمَكُمُ اللّٰهُ،

Pada hari Jumaat yang diberkati ini, saya berpesan kepada diri sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah kita semua bertaqwa kepada Allah s.w.t dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sama-samalah kita pertingkatkan mujahadah mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.. Sucikan diri dari sifat-sifat yang tercela dan seterusnya hiasilah diri serta keluarga dengan akhlak yang mulia. Mudah-mudahan kita menikmati kesejahteraan dan keberkatan hidup, serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini bertajuk:

**“Seikhlas Kasih Sejuta Harapan”**

## Sidang Jumaat Yang DiMuliakan

Islam mengiktiraf hak setiap manusia dan dalam masa yang sama meletakkan tanggungjawab kemasyarakatan bagi menjaga keseimbangan antara kepentingan peribadi dan maslahah masyarakat. Dalam mengimbangi keperluan hidup masyarakat yang pelbagai, Islam telah meletakkan beberapa kaedah penyelesaian, antaranya ialah gesaan membudayakan *infaq*. *Infaq* adalah bukti keprihatinan Islam terhadap kesejahteraan dan keadilan masyarakat.

Secara umum, *infaq* bermaksud membelanjakan harta pada jalan Allah s.w.t. *Infaq* terbahagi kepada dua, iaitu *infaq* yang wajib dan *infaq* yang sunat. *Infaq* yang wajib antaranya adalah *zakat*, fidyah, bayaran *kafarah*, menunaikan *nazar* dan keperluan tanggungan wajib atau *nafqah* ke atas seseorang lelaki yang meliputi makan minum dan tempat tinggal untuk anak-anak, isteri dan ibu bapa. *Infaq* yang sunat pula antaranya adalah sebarang bentuk sumbangan, sedeqah atau derma kepada orang perseorangan, tabung-tabung kebajikan, pertubuhan-pertubuhan kebajikan bagi kegunaan untuk keperluan sara hidup, kemudahan asas, kediaman, rawatan, perubatan, pendidikan dan sebagainya.

Allah s.w.t. menjanjikan keuntungan yang berlipat kali ganda bagi orang-orang yang membelanjakan atau menyumbangkan harta bendanya untuk mencapai keredaan-Nya. Firman Allah (s.w.t) dalam surah al-Baqarah ayat 261:


مَثُلُّ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي  
كُلِّ سُبْلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ  


**Yang bermaksud:** “Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya”.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah**

Allah s.w.t. menguji manusia dengan pelbagai keadaan, ada yang dilahirkan dalam sebuah keluarga yang kaya, ada yang miskin, ada yang sihat, ada yang sakit, ada yang sempurna dan ada yang cacat. Semua yang tersebut adalah bertujuan menilai atau menguji sejauh mana keimanan, kesyukuran dan kesabaran kita semua. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 155:

وَنَبْلُونَكُم بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ



**Yang Bermaksud:** “Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”.

Dalam kepelbagaian ujian yang berupa nikmat dan musibah itu, kita perlu sentiasa bersyukur dan bersabar. Jadikanlah perbezaan nasib itu sebagai ruang untuk kita mencapai kemaslahatan bersama sebagai saudara seakidah dan atas sifat peri kemanusiaan. Persaudaraan sesama Islam yang sebenar hanya akan terbukti apabila kita turut merasa susah, sedih dan bersedia membantu ketika mana saudara kita sedang sakit, susah dan menderita. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِهِمْ وَتَرَا حُمِّمْ وَتَعَا طُفِّهِمْ مَثَلُ اجْسَدِ؛  
إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُّوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى.

**Maksudnya:** Gambaran kehidupan orang yang beriman dari segi kasih sayang, saling bersimpati dan saling cinta mencintai samalah seperti anggota tubuh yang jika salah satu daripadanya mengadu kesakitan, ia melibatkan seluruh anggota lain yang tidak dapat tidur malam dan demam".

(Hadith diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim)

### Sidang Jumaat yang dikasihi

Selaras dengan tuntutan ber*infaq* serta semangat persaudaraan Islam, marilah kita sama-sama menyumbang bagi membantu meringankan beban hidup ahli masyarakat dan saudara muslim yang lain. Sesungguhnya, sumbangan dengan Seikhlas Kasih akan memenuhi Sejuta Harapan. Semoga dengan budaya *infaq* ini kita semua akan dianugerahkan keberkatan dan negeri Terengganu Darul Iman ini dilimpahi kemakmuran.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَا أَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ  
سَيِطُوقُونَ مَا يَبْخَلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللهُ عَمَّا

تَعْمَلُونَ خَيْرٌ<sup>١٨٠</sup>

**Yang Bermaksud:** *Dan jangan sekali-kali orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahan-Nya menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari Kiamat kelak. Dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan Allah Maha Mengetahui akan segala apa yang kamu kerjakan.*

(Surah Ali Imran: ayat 180)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Muslimin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Khatib menyeru kepada sidang jumaat sekalian, marilah sama-sama kita imarahkan masjid ini dengan menunaikan solat berjemaah. Sesungguhnya solat berjemaah mempunyai banyak fadhilat dan hikmahnya.

Justeru, janganlah tuan-tuan menangguh-nangguhkan untuk datang ke masjid. Bawalah anak-anak kita, ajaklah jiran tetangga dan ahli qaryah kita untuk sama-sama mengimarahkan masjid ini. Mudah-mudahan usaha kita ini mendapat rahmat, keampunan dan keredhaan daripada Allah di dunia dan akhirat.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَكَتِ كَٰتَهُ وَيُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْمِيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةٌ عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٌ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ حُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرُفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ  
مَرْضَانَا وَارْحُمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَّلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، إِبْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاه، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَكَانُو.

وَاحْفَظْ أُولَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ إِبْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانَ  
زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ  
الدِّينَ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينٍ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

### **Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim.**

Perbaikilah hubungan sesama kami dengan penuh kasih sayang. Limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami ketenangan dan kebahagiaan, Semangat muafakat dalam kejiraninan, Para remaja yang teguh iman, tinggi ilmu dan mulia akhlaknya.

### **Ya Allah,**

Kami pohon kehadrat-Mu agar mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan jadikanlah kami sentiasa istiqamah dalam melaksanakan segala perintah-Mu.

### **Ya Allah,**

Perkuatkan perpaduan umat Islam di negeri Terengganu. Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukaanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa juar kemurkaan-Mu.

آمين يا الله، يا أرحم الراحمين

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أُذْكُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَرِدُكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.

